



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**KEUSAHAWANAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI:  
ADAKAH SIKAP, KEMAHIRAN DAN PERSEKITARAN  
MEMBENTUK KEINGINAN**

*ATTITUDES, SKILLS AND ENVIRONMENT CORRELATED WITH THE  
ENTREPRENEURIAL DESIRES AMONG PUBLIC UNIVERSITY STUDENTS*

Nishanti Hari Chandra Rao<sup>1</sup>, Radin Siti Aishah Radin A Rahman<sup>2\*</sup>, Norasmah Othman<sup>3</sup>

- <sup>1</sup> Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: p109156@siswa.ukm.edu.my
- <sup>2</sup> Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: radin@ukm.edu.my
- <sup>3</sup> Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: lin@ukm.edu.my
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 28.10.2022  
Revised date: 15.11.2022  
Accepted date: 22.12.2022  
Published date: 31.12.2022

**To cite this document:**

Rao, N. H. C., Rahman, R. S. A. R. A., & Othman, N. (2022). Keusahawanan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Adakah Sikap, Kemahiran Dan Persekitaran Membentuk Keinginan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (48), 601-619.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.748044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan sikap, kemahiran, persekitaran dengan keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA). Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk tinjauan melalui soal selidik. Kajian ini melibatkan seramai 380 orang pelajar menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Data dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 26 secara deskriptif dan inferensi. Seterusnya, instrumen kajian telah melalui proses kesahan kandungan dan hasil ujian rintis menunjukkan nilai alpha Cronbach antara 0.74 hingga 0.92. Dapatan kajian menunjukkan keinginan keusahawanan pelajar berada pada tahap tinggi. Sementara itu, sikap, kemahiran serta persekitaran menunjukkan tahap sederhana tinggi. Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dengan tahap hubungan kekuatan adalah kuat antara sikap, kemahiran serta persekitaran dengan keinginan keusahawanan. Secara keseluruhannya, pelajar UA didapati mempunyai keinginan keusahawanan, mereka hanya perlu didedahkan dengan pelbagai kemahiran, sikap dan keadaan persekitaran yang kondusif supaya mereka dapat membina pemiliran dan keinginan keusahawanan dalam diri mereka. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi teori tingkah laku terancang Ajzen (1991) dan memberi panduan kepada pihak pengurusan Universiti Awam untuk merancang pelan tindakan keusahawanan secara intensif kepada pelajar sebelum mereka bergraduasi.

**Kata Kunci:**

Sikap, Kemahiran Keusahawanan, Persekitaran, Keinginan Keusahawanan, Pelajar UA

**Abstract:**

This study aims to identify the level of attitudes, skills, environment and intention of entrepreneurship among public university students. This study also determines the relationship between attitude, skills and environment with intention of entrepreneurship among public university students. This quantitative study uses survey design through questionnaire. This study involved a total of 380 students using a simple random sampling technique. The data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26 to obtain descriptive and inferential analysis. The research instrument went through the content validity process and the results of the pilot test showed Cronbach's alpha values ranging from 0.74 to 0.92. The findings show the intention entrepreneurship among students at high level. Meanwhile, attitude, skills and environment are at moderate high level. Correlation analysis shows that there is a significant positive and strong relationship between attitude, skills and environment to the intention of entrepreneurship. Overall, public university students are found to have entrepreneurial intention, they should only be exposed to the appropriate skills, attitudes and a conducive environment so that they can build entrepreneurial intentions. The findings of this study further strengthen Ajzen's theory of planned behavior (1991) and provide guidance to the management of Public Universities to plan an intensive entrepreneurial action plan for students before they graduate.

**Keywords:**

Attitudes, Skills, Environment, Entrepreneurship Intention

**Pengenalan**

Kerancangan aktiviti keusahawanan seringkali dikaitkan dengan sikap, kemahiran warganya dan juga keadaan persekitaran sesuatu tempat. Ini jelas apabila Abdul Aziz (2010) menyatakan bahawa keadaan persekitaran yang kondusif berkorelasi dengan sikap dan kemahiran keusahawanan warga sesebuah negara (Sun, 2020). Apabila sikap, kemahiran keusahawanan warganegara dengan persekitaran kondusif berkorelasi, maka pembangunan ekonomi juga dilaporkan akan meningkat (Ataei & Karimi, 2020). Hal ini menjadi penyebab sesebuah negara menjadikan keusahawanan sebagai salah satu agenda utama pembangunan ekonomi negara (Silva, 2021).

Sistem pendidikan sama ada dalam mahupun luar negara sejak tiga abad dahulu kelihatan telah memberikan penekanan serius terhadap pendidikan dan pembudayaan keusahawanan. Sebagai contoh, ilmu dan kemahiran asas keusahawanan telah diterapkan dalam kurikulum di semua institusi pengajian tinggi (IPT) di Romania (Gabriela, 2020). Pelaksanaan ini dibuat bagi tujuan menerapkan sikap dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pelajar didedahkan dengan ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif dan inovatif, yakin diri, berani mengambil risiko, akauntabiliti, berupaya bekerja secara berpasukkan, berkebolehan untuk menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan segera (Geldereren, 2008; Nurul, 2019; Nur Azmaliza, 2020). Kesemua tingkah laku ini juga dikenali sebagai trait pemikiran keusahawanan ke arah pemupukan minda usahawan (Zainol, 2018). Golongan muda seperti pelajar IPT dibudayakan

untuk memiliki minda usahawan ini. Usaha ini bertujuan pelajar tidak lagi terlalu bergantung kepada individu lain. Mereka didorong supaya berani untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Dengan cara ini, keinginan keusahawanan dalam kalangan murid sekolah atau pelajar universiti juga akan meningkat (Gabriela, 2020).

Sebaliknya aktiviti keusahawanan di Malaysia telah diperkenalkan pada awal tahun 1980an melalui penganjuran program-program keusahawanan. Sambutan terhadap program tersebut pada peringkat awal sangat rendah. Masyarakat memandang rendah terhadap bidang keusahawanan. Bidang ini seringkali dianggap sesuai kepada mereka yang kurang bijak atau lemah dalam akademik. Namun kini, usaha secara berterusan oleh kerajaan melalui pelan tindakan keusahawanan di Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia tetap dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan golongan muda. Manakala usaha pembudayaan keusahawanan ini akhirnya menjadi salah satu agenda negara. Kerajaan memperuntukkan sejumlah dana yang besar untuk pendidikan, latihan dan program keusahawanan (Pimpa, 2019). Kesemua peruntukan ini digunakan bagi memupuk sikap, kemahiran keusahawanan dan keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Di peringkat pengajian tinggi pula, kursus keusahawanan wajib diambil oleh semua pelajar tanpa mengira bidang pengkhususan mereka. Kesemua ini bermatlamat untuk memupuk sikap, kemahiran keusahawanan dan keinginan keusahawanan pelajar (Puvneswari et al. 2021).

### **Pernyataan Masalah**

Keinginan penting untuk difikirkan kerana masa hadapan berkait rapat dengan perkara yang disukai atau diminati mereka. Pada awal tahun 1980an hingga 1990an, bidang keusahawanan bukanlah satu kerjaya yang dipandang tinggi oleh masyarakat, seperti mana pandangan mereka terhadap kerjaya jurutera, doktor dan peguam. Matlamat menghasilkan graduan keusahawanan yang kompeten perlu direalisasikan sebagaimana yang disasarkan dalam teras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia sektor Pengajian Tinggi (2015-2025) dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025. Malah pemupukan jiwa keusahawanan dalam diri pelajar perlu disemai seawal fasa pengajian mereka melalui program intervensi dan kemudahan yang disediakan bagi melaksanakan aktiviti keusahawanan. Ini bagi memastikan kelangsungan budaya keusahawanan secara nyata dapat disemai dalam diri setiap pelajar sehingga mereka memasuki alam pekerjaan.

Kerjaya keusahawanan dianggap sebagai kerjaya pilihan kedua (Meyer, 2018). Ini dibuktikan melalui laporan kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2020, trend pilihan pekerjaan menunjukkan hanya 11.6 peratus graduan memilih bidang keusahawanan. Majoriti graduan lebih cenderung untuk bekerja di sektor swasta (45.5 peratus), kerajaan (21.6 peratus), swasta multinasional (17.7 peratus) kedan lain-lain (6.6 peratus). Laporan statistik ini menunjukkan bidang keusahawanan bukanlah pilihan dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA) (Suhaila, Normazaini & Arshad, 2020). Isu pemilihan kerja dalam kalangan pelajar bergantung kepada persekitaran tempat kerja yang kondusif dan kemahiran asas yang dimiliki oleh seseorang untuk memilih kerjaya (Abdul Aziz, 2010).

Justeru permasalahan ini berkait rapat dengan pemupukan sikap, kemahiran dan persekitaran yang disediakan oleh kerajaan untuk merencanakan aktiviti keusahawanan masih didapati gagal untuk meningkatkan keinginan keusahawanan dalam kalangan golongan muda (Munoz et al. 2020) termasuklah pelajar. Selain itu, keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar dilaporkan semakin berkurangan disebabkan sikap mereka didapati berada pada tahap yang

rendah (Nurul Jasmin & Noor Aslinda, 2020). Keadaan menjadi lebih buruk apabila wujud tanggapan negatif terhadap kerjaya keusahawanan (Toresingam, 2019). Pelajar juga dilaporkan masih dibelenggu dengan sikap kurang peka terhadap bidang keusahawanan. Ini menyebabkan mereka gagal mengenal pasti peluang yang wujud (Renko, 2015).

Seterusnya dalam usaha menyokong dan menggalakkan pelajar agar berani menceburi bidang keusahawanan, pendedahan awal kepada kecekapan bakat kemahiran keusahawanan perlu diberi perhatian. Kemahiran menjadi pencetus kreativiti dan inovasi yang melengkapkan generasi muda untuk menjadi usahawan yang dilengkapi dengan ciri-ciri personaliti keusahawanan. Menurut (Affzalina dan Nor Aishah, (2017), kemahiran yang kompeten adalah perlu dalam merealisasikan hasrat menjadi usahawan malah pendidikan keusahawanan yang berkualiti juga perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar mempunyai tanggapan yang positif terhadap keinginan keusahawanan (Lee-Ross, 2017). Oleh itu, persepsi negatif dalam kalangan pelajar terhadap keinginan keusahawanan perlu diperbetulkan agar bidang keusahawanan menjadi pilihan utama pada masa depan (Silva, 2016).

Bagi merapatkan jurang antara matlamat KPT untuk menghasilkan lebih ramai usahawan melalui program dan kemudahan aktiviti keusahawanan, dengan trend pemilihan kerjaya keusahawanan yang semakin rendah. Maka kajian diperlukan bagi mengenal pasti korelasi sikap, kemahiran dan persekitaran dengan keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar UA. Secara perinciannya, objektif kajian ini adalah untuk i) mengenal pasti tahap sikap, kemahiran, persekitaran dan keinginan keusahawanan; dan ii) menguji hubungan antara sikap, kemahiran dan persekitaran dengan keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar UA. Pembentukan objektif ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan teori tingkah laku terancang melalui pengujian penting faktor peramal; dan hasil kajian ini memberi implikasi kepada kepada pihak pentadbir UA untuk merancang program dengan lebih berkesan. Perbincangan berikutnya menerangkan dapatan kajian lepas berhubung korelevanan sikap, kemahiran, persekitaran dan keinginan keusahawanan dalam konteks pelajar UA.

## **Tinjauan Literatur**

### ***Sikap Keusahawanan***

Sikap lazimnya dikaitkan dengan penilaian positif atau negatif yang wujud dalam diri individu untuk melakukan tingkah laku tersebut (Ajzen, 2005). Sikap juga dikenali sebagai personaliti individu yang lahir daripada diri sendiri atau pergerakan kumpulan (Crow, 1980). Begitu juga dalam konteks keusahawanan, kajian lepas membuktikan bahawa seseorang yang memiliki sikap ini, maka minat dan keinginan keusahawanan mereka juga wujud (Omar, 2021; Bazkiaei, 2021; Shah, 2020). Menurut Genshu (2021) dan Lavelle (2019) menjelaskan bahawa sikap keusahawanan boleh dipupuk melalui pendidikan keusahawanan bagi mendorong pelajar menjadikan pilihan utama dalam pemilihan kerjaya. Ini disokong dengan kajian Rahman (2017) yang menegaskan pendidikan keusahawanan dapat meningkatkan ciri-ciri keusahawanan dalam diri pelajar.

Sikap keusahawanan yang positif dalam kalangan pelajar dapat meningkatkan keinginan mereka terhadap kerjaya keusahawanan (Qadasi, 2021; Omar, 2021). Ditambah dengan persekitaran kondusif yang disediakan oleh pihak berupaya memberi kesan kepada sikap keusahawanan pelajar (Nurul Jasmin et al. 2021). Pelbagai aktiviti dan program keusahawanan di IPT telah dikenal pasti dapat meningkatkan sikap keusahawanan pelajar tetapi perkara ini belum pasti dapat mendorong pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan

utama (Azwin Darlina, Norasmah & Nor Aishah, 2021). Ini disokong kajian Kusumojanto (2021), yang menunjukkan tahap sikap keusahawanan yang tinggi tidak berkorelasi dengan keinginan keusahawanan apatah lagi menjadikan mereka sebagai usahawan berjaya. Oleh itu, sikap keusahawanan dalam kajian ini diukur berdasarkan risiko peribadi dan risiko sosial bagi menentukan sejauhmana penilaian pelajar memilih kerjaya keusahawanan.

### ***Kemahiran Keusahawanan***

Kemahiran keusahawanan menjadi antara komponen penting bagi mengasah bakat keusahawanan pelajar. Pendedahan kepada pengetahuan keusahawanan secara teori sahaja tidak mencukupi tanpa dipraktikannya. Maka, IPT mempunyai tanggungjawab yang besar dalam melahirkan golongan pelajar yang lebih berkebolehan terhadap bidang keusahawanan (Nor Azira, 2017). Pelbagai cara boleh dilakukan oleh pihak universiti dalam menggalakkan pelajar memilih bidang tersebut. Seseorang pelajar yang ingin berjaya dalam sesuatu bidang perlu memiliki kemahiran keusahawanan (Spring, 2015). Perkara ini merujuk kepada sifat-sifat usahawan yang dimiliki oleh diri sendiri, di mana sebagai seorang usahawan perlu kreatif dalam melakukan sesuatu perkara, mahir membuat keputusan dalam perniagaan, bijak menyelesaikan sesuatu masalah atau risiko yang dihadapi dan menggunakan peluang yang ada dengan baik (Uvathi et al. 2018). IPT boleh menjalankan pelbagai cara untuk menggalakkan pelajar-pelajar terlibat atau tidak dalam bidang keusahawanan secara langsung melalui aktiviti kokurikulum seperti penubuhan kelab usahawan dan pendedahan ilmu keusahawanan dalam kurikulum (Esa, 2012) termasuklah Universiti Awam.

Dalam kajian Mohd Yusof et al. (2013) menjelaskan bahawa kemahiran keusahawanan menunjukkan tahap sederhana tinggi dalam kalangan pelajar. Dapatan menerangkan bahawa kemahiran keusahawanan dikenali sebagai kemahiran kebolehpasarkerja. Kemahiran ini perlu memberi keutamaan kepada pelajar kerana tahap penguasaan kemahiran keusahawanan tidak mencapai tahap yang disasarkan. Kajian Esa (2012) pula melibatkan pelajar sekolah yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum menunjukkan kemahiran keusahawanan adalah sederhana. Hasil kajian ini menerangkan bahawa di peringkat sekolah, pelajar tidak dapat mencapai kemahiran keusahawanan dengan baik. Penguasaan dalam bidang akademik tidak mencukupi untuk pelajar. Oleh itu, penguasaan kemahiran keusahawanan perlu ditingkatkan di peringkat fasa pengajian tinggi. Dalam konteks kajian ini, kemahiran keusahawanan diukur merangkumi elemen (ekstrak dari item soal selidik)

### ***Persekitaran***

Persekitaran turut menyumbang kepada kejayaan usahawan. Persekitaran keusahawanan perlu dilengkapi sekurang-kurangnya mempunyai premis untuk menjalankan aktiviti keusahawanan, khidmat nasihat dan bantuan modal perniagaan di tempat pengajian. Selain itu, penerapan elemen keusahawanan juga bermula daripada peranan ahli keluarga. Menurut Edelman et al. (2016), menerangkan bahawa persekitaran keluarga terutamanya ibu bapa akan memberikan corak budaya, suasana rumah dan pandangan kehidupan akan menentukan sikap dan tingkah laku seseorang. Ibu bapa yang memiliki latarbelakang keusahawanan selalunya memiliki sikap berdikari dan akan dicontohi oleh anak-anak mereka sejak kecil (Gelaidan, 2017). Ibu bapa boleh menggalakkan tingkah laku keusahawanan anak-anak mereka (Gelderen et al. 2008). Kajian ini disokong Edelman et al. (2016), yang menunjukkan bahawa ibu bapa pelajar yang berkerjaya sebagai usahawan mudah untuk membentuk sikap dan persepsi anak-anak tentang keusahawanan. Keluarga adalah persekitaran sosial yang paling terdekat dengan pelajar, yang bertanggungjawab dalam memupuk sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar (Farooq et al. 2018).



Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Norfadhilah & Halimah (2010) seramai 420 pelajar yang melibatkan tiga buah UA iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Teknologi Malaysia menerangkan keadaan persekitaran menarik minat pelajar dalam keusahawanan sebanyak 56.9 peratus. Dapatan ini selari dengan kajian Rosni & Norfazila (2008) kepada 140 orang pelajar yang mengambil subjek Perdagangan dan Keusahawanan. Hasil daripada dapatan menunjukkan bahawa faktor persekitaran berada pada tahap sederhana. Dapat disimpulkan, keadaan persekitaran berperanan dalam mempengaruhi bidang keusahawanan. Pujian dan penghargaan dari rakan-rakan dan ahli keluarga dapat memberi keyakinan dan motivasi supaya dapat memilih bidang keusahawanan sebagai pilihan utama. Secara tidak langsung pelajar akan belajar dengan bersungguh-sungguh dan akan berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan keusahawanan apabila mereka bersetuju dengan pendapat orang lain (Wan Mohd Zaifurin et al. 2016). Justeru, dalam kajian ini elemen yang menyokong kepada pengukuhan persekitaran keusahawanan adalah kemahiran interpersonal, kepekaan terhadap keusahawanan dan kemahiran pengurusan.

### ***Keinginan Keusahawanan***

Keinginan secara umumnya sering kali difikirkan dalam kehidupan seseorang. Ini kerana ia dapat menentukan arah kehidupan dan masa depan yang diingini oleh seseorang (Tolbert, 1974). Manakala keinginan keusahawanan menjadi tumpuan para penyelidik kerana ia terbukti banyak memberi impak kepada kehidupan seseorang mahupun kepada kemakmuran ekonomi sesebuah negara (Linan, 2009). Keinginan keusahawanan menjadi faktor atau pemboleh ubah penting untuk mengkaji tingkah laku keusahawanan seseorang (SM Kabir, Haque & Abdullah, 2017). Keinginan keusahawanan adalah salah satu faktor motivasi yang mempengaruhi seseorang untuk menjadi usahawan sebagai pilihan kerjaya mereka (Hisrich, 2008). Di samping itu, ianya menjelaskan perkaitan antara seorang usahawan dengan bagaimana mengurus sesuatu aktiviti atau program keusahawanan mempunyai hubungan yang positif (Mohammad Ismail, 2009).

Kajian yang mengkaji tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT seramai 335 orang dilakukan oleh Zaidatul Akmaliah (2011) menunjukkan tahap keinginan keusahawanan berada pada tahap sederhana. Selain itu, Rosna & Norasmah (2018) menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti tahap keinginan keusahawanan. Kajian ini melibatkan 410 orang pelajar prauniversiti di Negeri Sembilan. Hasil kajian ini menerangkan tahap keinginan keusahawanan adalah tinggi. Menurut pengkaji, pelajar berperanan mengambil inisiatif untuk menambahkan ilmu keusahawanan dan kemahiran keusahawanan bagi melahirkan lebih banyak pelajar yang berfikiran kreatif, tahap pengetahuan yang tinggi dan juga mahir dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Keinginan keusahawanan bergantung pada seseorang itu sendiri melalui sikap dan keinginan untuk berdikari dalam bidang keusahawanan secara aktif. Justeru, keinginan keusahawanan yang diuji dalam kajian merangkumi elemen sokongan keluarga dan juga sokongan pendidikan.

### ***Metodologi***

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk tinjauan bertujuan bagi mendapatkan maklum balas responden berkaitan hubungan faktor peramal dengan keinginan keusahawanan. Jumlah populasi kajian adalah sebanyak 20,527 orang dan pengkaji hanya memilih seramai 380 orang pelajar UA sebagai sampel kajian berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970) menggunakan teknik persampelan secara rawak mudah.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, dan E. Item-item soal selidik ini diadaptasi daripada Charles Akpan & Comfort Etor, (2013); Hilka Pelizza et al. (2016) dan Rosna & Norasmah, (2018). Bahagian A merupakan soalan mengenai latar belakang responden. Bahagian B mengandungi soalan yang berkaitan dengan sikap keusahawanan, Seterusnya bahagian C merupakan soalan yang berkaitan dengan kemahiran keusahawanan dan Bahagian D pula mengenai persekitaran. Bahagian E merupakan soalan yang berkaitan dengan keinginan keusahawanan. Kesemua item di dalam borang soal selidik diukur menggunakan skala Likert.

Bagi memastikan instrumen soal selidik ini boleh digunakan, satu kajian rintis telah diadakan terhadap 34 orang responden. Kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh manakah sesuatu instrumen itu diukur (Mohajan, 2017). Bagi kesahan kandungan, instrumen kajian telah disemak oleh dua orang pakar, yang terdiri daripada pensyarah universiti awam, iaitu seorang pensyarah Universiti Malaysia Kelantan dan seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Kedua-dua pakar bersepakat menerima 29 item tersebut dengan peratusan sebanyak 87% ke atas seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Malah terdapat sedikit cadangan dan penambahbaikan telah dibuat dalam memudahkan pemahaman responden.

Cronbach's Alpha telah dijalankan untuk mengukur kebolehpercayaan. Cronbach's Alpha mempunyai nilai dari sifar hingga satu yang mempunyai ukuran nilai kebolehpercayaan (Wei, 2017). Cronbach's Alpha memiliki nilai kebolehpercayaan melebihi 0.6 dan kajian sesuai digunakan semasa kajian lapangan. Oleh itu, jika dilihat pada Jadual 1, nilai pekali kepercayaan Cronbach's Alpha mencatatkan skor 0.833 (sikap keusahawanan), 0.899 (kemahiran keusahawanan), 0.923 (pengaruh persekitaran) yang mewakili pemboleh ubah bebas. Manakala, pemboleh ubah bersandar mencatatkan skor 0.743 (keinginan keusahawanan). Kesimpulannya, soal selidik yang terlibat dalam kajian ini boleh diterima pakai dan sesuai dijalankan di lapangan kajian sebenar kerana skor pekali Cronbach's Alpha adalah melebihi 0.6.

**Jadual 1: Analisis Kebolehpercayaan**

Pemboleh ubah	No item	Bilangan Item	Cronbach's alpha
Sikap Keusahawanan	S1-S4	4	0.833
Kemahiran Keusahawanan	KK1-KK13	13	0.899
Persekitaran	P1-P8	8	0.923
Keinginan Keusahawanan	K1-K4	4	0.743

**Jadual 2: Analisis Kesahan**

Pakar Penilai	Pencapaian Kesahan Kandungan	Ulasan Pakar
Pakar 1	87%	Diterima
Pakar 2	87%	Diterima

Kajian ini juga melibatkan ujian deskriptif bagi melihat tahap sikap, kemahiran serta persekitaran dengan keinginan keusahawanan.

**Jadual 3: Interpretasi Skor Min**

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 - 5.00	Tinggi

Sumber: Chew & Zul Hazmi (2018)

Kajian ini juga melibatkan kaedah korelasi Pearson yang digunakan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linear kedua-dua pemboleh ubah. Jadual 4 menunjukkan kekuatan nilai pekali korelasi yang terlibat dalam kajian ini.

**Jadual 4: Kekuatan Nilai Pekali Korelasi**

Saiz Pekali Korelasi	Kekuatan Korelasi
0.90 hingga 1.00 atau -0.91 hingga -1.00	Sangat Kuat
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30 atau -0.01 hingga -0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada Korelasi

Sumber: Chua (2012)

### Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan mengenai dapatan kajian daripada persoalan kajian yang telah dibentuk mengenai hubungan sikap, kemahiran dan persekitaran keusahawanan dengan keinginan keusahawanan pelajar UA. Perinciannya, persoalan kajian ini dimulakan dengan analisis deskriptif, diikuti analisis inferensi.

### *Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Sikap, Kemahiran, Persekitaran Dan Keinginan Keusahawanan Terhadap Pelajar UA?*

#### *Tahap Sikap Keusahawanan Pelajar UA*

Hasil kajian ini memaparkan purata min adalah 3.77 dengan sisihan piawai 0.70. Data ini menunjukkan bahawa tahap sikap keusahawanan pelajar adalah sederhana tinggi. Hal ini jelas apabila pelajar mempunyai sikap sanggup menanggung cabaran dan risiko dalam keusahawanan sepertimana yang dipaparkan pada item 1 iaitu '*Saya percaya mampu mengatasi kesukaran untuk memulakan perniagaan*' dengan peratusan bersetuju (75.5%). Manakala peratusan terendah bersetuju ditunjukkan pada item 3 iaitu '*Saya mampu melakukan dua kerja dalam satu masa untuk menguruskan perniagaan*' (55.3%). Dapatan jelas menunjukkan lebih daripada 80% responden bersetuju dengan pernyataan yang diberikan, bermakna majoriti responden mempunyai sikap yang positif terhadap keusahawanan.

Sikap adalah faktor penting dalam penentuan kerjaya seseorang. Dapatan kajian ini didapati selaras dengan kajian Hassanain, (2015) dan Noorizda et al. (2019) apabila kajian mereka



melaporkan sikap keusahawanan pelajar adalah sederhana tinggi. Kajian mereka menunjukkan pelajar kurang berminat atau suka memilih kerjaya keusahawanan selepas tamat pengajian. Kajian ini disokong oleh oleh Azwin Darlina et al. (2021) apabila beliau menyatakan sikap keusahawanan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Menurut kajian Lim, Sheerad & Norasmah (2022) pula tahap sikap pelajar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan adalah pada tahap sederhana. Namun berbeza dengan kajian Ravi dan Nor Aishah (2015) menyatakan bahawa tahap sikap dalam kalangan pelajar India prasiswazah sekitar Bangi adalah tinggi. Sikap keusahawanan yang tinggi juga menggambarkan seseorang memiliki keberanian untuk menghadapi masalah dan sentiasa yakin dalam mencapai matlamat mereka. Sikap keusahawanan yang tinggi dalam kalangan pelajar membolehkan individu lebih suka untuk menjadi seorang usahawan selepas tamat pengajian. Sikap keusahawanan yang tinggi, maka mereka sanggup menghadapi risiko, berani dalam mencapai matlamat.

**Jadual 5 Tahap Sikap Keusahawanan Pelajar UA**

No	Sikap Keusahawanan	STS		TS		KS		S		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Saya percaya mampu mengatasi kesukaran untuk memulakan perniagaan.	1	0.3	11	2.9	81	21.3	216	56.8	71	18.7
2	Saya percaya mampu mengatasi halangan dalam perniagaan.	2	0.5	8	2.1	85	22.4	221	58.2	64	16.8
3	Saya mampu melakukan dua kerja dalam satu masa untuk menguruskan perniagaan	4	1.1	29	7.6	137	36.1	156	41.1	54	14.2
4	Saya mampu mengawal tekanan semasa berniaga	2	0.5	18	4.7	142	37.4	156	41.1	62	16.3

Min = 3.77

Sisihan Piawai = 0.70

Tahap = Sederhana Tinggi

#### **Tahap Kemahiran Keusahawanan Pelajar UA**

Terdapat 13 item yang digunakan dalam kajian ini untuk mengukur tahap kemahiran keusahawanan pelajar UA seperti dalam Jadual 6. Jika dilihat item 2 dan 13 yang melibatkan item kemahiran pengurusan iaitu '*Saya boleh mengenal pasti idea dengan berkesan*' diikuti dengan item 13 '*Saya tahu keusahawanan berkait rapat dengan kemahiran pengurusan*' menunjukkan peratusan tertinggi bersetuju (83.4%). Item yang menunjukkan peratusan terendah ialah item kemahiran interpersonal iaitu '*Saya mempunyai naluri untuk mencari peluang perniagaan yang berpotensi*' (60.5%).

Dapatan kajian ini didapati selari dengan kajian Nadia Farhanah & Norasmah (2020), apabila kajian beliau melaporkan kemahiran keusahawanan berada pada sederhana tinggi. Satu kajian telah dijalankan oleh Esa (2012) yang menunjukkan bahawa tahap pendedahan kemahiran keusahawanan di IPT adalah sederhana. Hal ini dapat dilihat dengan jelas bahawa dalam kajian

ini menunjukkan pelajar tidak dapat menguasai kemahiran keusahawanan dengan baik. Kajian ini bertentangan dengan kajian Esmalaily & Norasmah (2019) terhadap pelajar SMKA. Dapatan kajian beliau melaporkan bahawa kemahiran keusahawanan pelajar SMKA menunjukkan pada tahap yang tinggi.

**Jadual 6 Tahap Kemahiran Keusahawanan Pelajar UA**

No	Kemahiran Keusahawanan	STS		TS		KS		S		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Saya boleh berjaya dalam perniagaan dengan usaha keras.	5	1.3	39	10.3	97	25.5	154	40.5	85	22.4
2	Saya boleh mengenal pasti idea dengan berkesan	2	0.5	7	1.8	54	14.2	169	44.5	148	38.9
3	Saya boleh mengenal pasti peluang dengan berkesan.	13	3.4	57	15.0	71	18.7	147	38.7	92	24.2
4	Saya mampu menjana idea perniagaan yang bernas.	7	1.8	34	8.9	89	23.4	161	42.4	89	23.4
5	Saya mempunyai naluri untuk mencari peluang perniagaan yang berpotensi.	21	5.5	54	14.2	75	19.7	139	36.6	91	23.9
6	Saya sering berinteraksi dengan orang lain untuk mendapatkan maklumat keusahawanan.	3	0.8	11	2.9	104	27.4	204	53.7	58	15.3
7	Saya kerap membaca berita untuk mendapatkan maklumat baru tentang keusahawanan.	3	0.8	23	6.1	106	27.9	188	39.5	60	15.8
8	Saya mampu memilih peluang yang terbaik.	2	0.5	6	1.6	83	21.8	211	55.5	78	20.5
9	Saya dapati ada hubungan antara maklumat daripada pelbagai bidang pengetahuan yang tiada kaitan.	2	0.5	6	1.6	109	28.7	202	53.2	61	16.1

10	Saya pernah menguruskan kewangan perniagaan.	4	1.1	60	15.8	89	23.4	171	45.0	56	14.7
11	Saya tahu rancangan perniagaan (business plan) adalah garis panduan dalam menjalankan perniagaan.	4	1.1	5	1.3	62	16.3	172	45.3	137	36.1
12	Saya tahu keusahawanan Memerlukan kemahiran pengurusan yang berterusan.	1	0.3	9	2.4	55	14.5	171	45.0	144	37.9
13	Saya tahu keusahawanan berkait rapat dengan kemahiran pengurusan	4	1.1	9	2.4	50	13.2	168	44.2	149	39.2

Min = 3.87

Sisihan Piawai = 0.71

Tahap = Sederhana Tinggi

#### ***Tahap Persekitaran Keusahawanan Pelajar UA***

Hasil kajian memaparkan pelajar mempunyai jumlah min 3.93 dengan sisihan piawai 0.77. Data ini menunjukkan tahap persekitaran yang diberi atau diterima pelajar UA adalah pada tahap yang sederhana tinggi. Misalnya item 3 dan 4 yang melibatkan persekitaran berkait keluarga: iaitu '*Saya boleh berkongsi masalah dengan keluarga*' seterusnya, '*saya memiliki keluarga yang sudi membantu dalam membuat keputusan berkaitan perniagaan*' menunjukkan peratusan tertinggi bersetuju yang sama (83.4%). Manakala item pendidikan yang menunjukkan peratusan terendah ialah item 7 iaitu '*Saya pernah menduduki peperiksaan dalam kursus keusahawanan*' (60.9%). Data ini menggambarkan pendidikan keusahawanan masih lagi berkurangan dan boleh ditingkat lagi, dengan mewajibkan kursus keusahawanan di peringkat pengajian tinggi kepada semua pelajar tanpa mengira bidang pengkhususan mereka.

Budaya dan persekitaran keusahawanan sekaligus dapat menambahkan lagi minat dalam keusahawanan (Nurzulaikha & Noor Aslinda, 2021). Dapatan membincangkan bahawa faktor persekitaran berada pada tahap sederhana dalam mempengaruhi pelajar dalam bidang keusahawanan (Bakar, 2008). Keadaan persekitaran memainkan peranan dalam mempengaruhi pemilihan keusahawanan sebagai satu kerjaya. Pelajar juga akan belajar bersungguh-sungguh tentang keusahawanan dan akan berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan keusahawanan apabila mereka bersetuju dengan pandangan orang lain, lebih-lebih lagi sekiranya mereka mendapat maklum balas yang baik dan mengakui berasa senang dan selesa bekerja sebagai usahawan (Wan Mohd Zaifurin et al. 2016). Namun terdapat sedikit perbezaan dimana keadaan persekitaran yang tinggi menimbulkan keinginan pelajar untuk menjadi

pengurus atau bekerja sendiri seperti ditunjukkan dalam kajian (Qadasi, 2021) dan (Omar, 2021).

**Jadual 7 Tahap Persekitaran Keusahawanan Pelajar UA**

No	Persekitaran	STS		TS		KS		S		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Saya memiliki keluarga yang bersungguh-sungguh membantu perniagaan	4	1.1	5	1.3	62	16.3	172	45.3	137	36.1
2	Saya mendapat sokongan emosi daripada keluarga untuk berniaga	1	0.3	9	2.4	55	14.5	171	45.0	144	37.9
3	Saya boleh berkongsi masalah dengan keluarga	4	1.1	9	2.4	50	13.2	168	44.2	149	39.2
4	Saya memiliki keluarga yang sudi membantu dalam membuat keputusan berkaitan perniagaan.	2	0.5	7	1.8	54	14.2	169	44.5	148	38.9
5	Saya mengikuti kursus keusahawanan di universiti.	13	3.4	57	15.0	71	18.7	147	38.7	92	24.2
6	Saya pernah mendapat pendedahan dalam dunia perniagaan semasa di universiti.	7	1.8	34	8.9	89	23.4	161	42.4	89	23.4
7	Saya pernah menduduki peperiksaan dalam kursus keusahawanan.	21	5.5	54	14.2	75	19.7	139	36.6	91	23.9
8	Saya seronok Mempelajari pendidikan keusahawanan kerana guru cuba menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza	5	1.3	39	10.3	97	25.5	154	40.5	85	22.4

Min = 3.93

Sisihan Piawai = 0.77

Tahap = Sederhana Tinggi

### ***Tahap Keinginan Keusahawanan Pelajar UA***

Berdasarkan dapatan kajian, memaparkan min keseluruhan bagi tahap keinginan keusahawanan pelajar ialah 4.13 dengan sisihan piawai 0.67. Ini membuktikan pelajar UA mempunyai tahap keinginan keusahawanan yang tinggi. Ini jelas terbukti apabila hampir kesemua item mempunyai peratus persetujuan melebihi 70.5 peratus. Item yang melaporkan peratusan tertinggi adalah item 2 dan 3 berbanding dengan item 1 dan 4. Di mana item 2 dan 3 berkait dengan kerjaya keusahawanan: '*Saya menganggap keusahawanan sebagai bidang penciptaan pekerjaan*' dan diikuti dengan item 3 '*Saya menganggap keusahawanan sebagai kerjaya yang berkerja sendiri*' (85.3%). Kajian ini selari dengan kajian Ravi & Aishah (2016) yang menjalankan kajian terhadap pelajar India di IPT sekitar Bangi yang menunjukkan tahap keinginan keusahawanan adalah tinggi.

Kajian ini bertentangan dengan kajian Fadilla & Norasmah (2020) yang dijalankan terhadap pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) di daerah Seremban Negeri Sembilan. Secara keseluruhannya, dalam kajian ini menunjukkan keinginan pelajar KAA dalam bidang keusahawanan adalah pada tahap sederhana tinggi. Hal ini kerana, pelajar masih menganggap bahawa bidang keusahawanan tidak mempunyai peluang yang mencukupi pada masa depan. Mereka juga masih tidak mencukupi kemahiran, pendidikan untuk menceburi bidang keusahawanan. Dapatan ini selari dengan kajian Nur Zafirah (2017), menunjukkan peratusan yang mempunyai keinginan untuk menjadi usahawan adalah sebanyak 12.6 peratus. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh (Franke et al. 2011) menunjukkan tahap keinginan keusahawanan adalah sederhana. Kajian ini disokong dengan kajian (Olawaiye et al. 2013) yang menunjukkan keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar Afrika adalah sangat lemah. Selain itu, kajian Capelleras et al. (2019) keinginan pelajar dalam keusahawanan tidak mencapai taraf yang tinggi melalui penglibatan pelajar dalam keusahawanan.

**Jadual 8 Tahap Keinginan Keusahawanan Pelajar UA**

No	Keinginan Keusahawanan	STS		TS		KS		S		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Saya menganggap keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama yang diinginkan	8	2.1	13	3.4	91	23.9	179	47.1	89	23.4
2	Saya menganggap keusahawanan sebagai bidang penciptaan pekerjaan.	1	0.3	2	0.5	53	13.9	182	47.9	142	37.4
3	Saya menganggap keusahawanan sebagai kerjaya yang berkerja sendiri	-	-	6	1.6	50	13.2	145	38.2	179	47.1
4	Saya mengambil teladan terhadap mereka yang	1	0.3	6	1.6	53	13.9	197	51.8	123	32.4



---

Berjaya dalam  
menjalankan  
perniagaan.

---

Min = 4.13  
Sisihan Piawai = 0.67  
Tahap = Tinggi

***Persoalan Kajian 2: Hubungan Antara Sikap, Kemahiran dan Persekitaran dengan Keinginan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar UA.***

Korelasi Pearson digunakan bagi menguji hubungan antara sikap keusahawanan dengan keinginan keusahawanan pelajar UA. Berdasarkan ujian pekali ini, nilai korelasi ialah  $r = 0.715$  dan  $p < .001$ . Ini menunjukkan hubungan yang positif linear sikap keusahawanan dengan keinginan keusahawanan pelajar UA. Justeru, bagi kajian ini hipotesis nol tidak dapat ditolak dan dapat disimpulkan bahawa mempunyai hubungan yang signifikan antara sikap dengan keinginan keusahawanan. Dapatan ini selari dengan kajian (Lim et al. 2022) menunjukkan bahawa wujud hubungan yang relatif antara sikap keusahawanan dengan keinginan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selain itu, kajian ini selari dengan kajian David (2004) iaitu sikap keusahawanan menunjukkan hubungan yang relatif dengan keinginan keusahawanan.

Berdasarkan jadual yang sama ujian pekali ini, nilai korelasi ialah  $r = 0.798$  dan  $p < .001$ . Dapatan kajian melaporkan hubungan yang relatif antara kemahiran keusahawanan dengan keinginan keusahawanan pelajar UA. Justeru, hipotesis nol bagi dapatan ini tidak dapat ditolak dan dapat membuktikan terhadap hubungan yang signifikan antara kemahiran keusahawanan dengan keinginan keusahawanan. Ini menunjukkan penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar UA berhubung secara kuat dengan keinginan keusahawanan. Dapatan ini tidak selari dengan Sarebah et al. (2010) menunjukkan hubungan sederhana antara kemahiran keusahawanan dengan keinginan keusahawanan. Dapatan ini mengukuhkan lagi dengan kajian Wan Mohd Zaifurin et al. (2016) menunjukkan saiz pekali korelasi kemahiran keusahawanan dengan keinginan keusahawanan adalah sederhana. Namun, dapatan kajian Muhammad Shoaib et al. (2016) membuktikan wujud hubungan yang signifikan antara kemahiran keusahawanan dengan keinginan keusahawanan. Dapatan ini selari dengan dapatan Linan (2009) yang mempunyai hubungan positif antara kemahiran keusahawanan dengan keinginan keusahawanan.

Berdasarkan Jadual 9 menunjukkan hubungan faktor persekitaran dengan keinginan keusahawanan pelajar UA. Melalui ujian Korelasi Pearson, nilai  $r = 0.763$  dan nilai signifikan  $p < .001$  iaitu kurang daripada nilai aras signifikan 0.01. Dapatan kajian memaparkan yang positif dan mempunyai hubungan yang kuat. Maka hipotesis nol tidak dapat menolak dan kesimpulannya terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran dengan keinginan keusahawanan. Kajian ini selari dengan Norita et al. (2007) dimana wujud hubungan yang positif antara keadaan persekitaran dengan keinginan keusahawanan. Menurut Abdul Aziz (2010) keadaan persekitaran yang kondusif akan membuka peluang kepada golongan muda dalam usaha teroka keusahawanan.

**Jadual 9: Hubungan Antara Sikap, Kemahiran Serta Persekitaran Dengan Keinginan Keusahawanan**

Pemboleh Ubah	Keinginan Keusahawanan	Tahap Kekuatan Hubungan
Sikap	.715**	Kuat
Kemahiran Keusahawanan	.798**	Kuat
Persekitaran	.762**	Kuat

\*\*Signifikan pada aras  $p < 0.01$

**Implikasi dan Kesimpulan**

Implikasi teorikal menyumbang kepada pengukuhan teori tingkah laku terancang Ajzen (1991) dari segi elemen sikap, norma subjektif dan tanggapan terhadap tingkah laku yang diwakili oleh sikap, kemahiran dan persekitaran dengan keinginan keusahawanan yang dibuktikan melalui kesignifikan nilai dapatan analisis korelasi Pearson. Di samping itu, dapatan kajian ini dapat menambahkan lagi sokongan dapatan kajian lepas berhubung bidang pendidikan keusahawanan. Implikasi dari segi amalan, dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak pentadbir UA dapat merancang program keusahawanan dengan baik dan berkesan.

Kesimpulannya, kajian ini menerangkan tahap sikap, kemahiran serta persekitaran dengan keinginan keusahawanan pelajar UA menunjukkan pada tahap tinggi. Selain itu, dalam kajian ini juga melaporkan terdapat hubungan antara sikap, kemahiran keusahawanan, persekitaran dengan keinginan mempunyai hubungan yang kuat. Secara keseluruhannya, pelajar UA mempunyai keinginan dalam keusahawanan dan mempunyai minat untuk memilih kerjaya keusahawanan pada masa depan. Implikasi daripada kajian ini, beberapa perkara perlu diambil perhatian bagi memastikan sikap, kemahiran serta persekitaran dapat diterapkan dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Pembelajaran di peringkat pengajian tinggi ini dapat melahirkan golongan pelajar yang lebih berkebolehan terhadap bidang keusahawanan. Terutamanya menjalankan lebih banyak lagi program yang berkaitan keusahawanan agar dapat didedahkan kepada pelajar dan menarik minat mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Oleh itu kajian ini dapat menyumbang kepada bidang keusahawanan yang dijalankan dalam bentuk tinjauan dan melibatkan pelajar UA sahaja. Di samping itu, kajian seterusnya boleh dijalankan dalam bentuk kualitatif dan pengkaji-pengkaji akan datang boleh mendapatkan maklumat secara terperinci bagi tujuan penambahbaikan dalam kajian berkaitan keusahawanan dengan mengkaji tempoh penglibatan dalam keusahawanan, latar belakang pendidikan, minat dan sebagainya.

**Rujukan**

- Abdul Aziz, Y. (2010). *Pengenalan kepada Usahawan dan Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Scholarmind Publishing.
- Aishah, A. H. (2017). Perbandingan Tahap Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Keusahawanan dengan Tahap Perancangan Berniaga Mahasiswa Jurusan Sains. *Journal of Global Business and social Entrepreneurship*, 1(1), 86-99.
- Ajzen, I. &. (2005). The influence of attitudes on behavior. Handbook of Attitudes and Attitude Change: Basic Principles. In I. &. Ajzen, *The influence of attitudes on behavior. Handbook of Attitudes and Attitude Change: Basic Principles* (pp. 173-221).
- Akhsan, E. M. (2019). Hubungan antara Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

- (SMKA). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 305-317.
- Alauddin, S. (2014). Taksonomi Keupayaan Usahawan Wanita Melayu. *Journal of Human Capital Development*, 7(2), 63-78.
- Ataei, P. K. (2020). A conceptual entrepreneurial competency and their impacts on rural youth's intention to launch SMEs. *Journal of Rural Studies*, December 2019, 0-1.
- Azwin Darlina Ismail, N. A. (2021). Kecenderungan Keusahawanan Terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan atas Talian dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities*, 6(2), 9-21.
- Bagheri, Z. A. (2011). Malay students' entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy in vocational and technical secondary schools of Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 19(2), 433-447.
- Bakar, R. Z. (2008). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Minat Pelajar Tahun Akhir Terhadap Bidang Keusahawanan di UTM.
- Bazkiaei, H. A. (2020). Do Entrepreneurial Education and Big-Five Personality Traits Predict Entrepreneurial Intention among Universities Students? *Cogent Business and Management*, 7(1), 1-19.
- Capelleras, J. L., Contin-Pilart, I., Larraza-Kintana, M., & Martin-Sanchez, V. (2019). Entrepreneurs Human Capital and Growth Aspirations: The Moderating Role of Regional Entrepreneurial Culture. *Small Business Economics*, 52(1), 3 -25.
- David, M. (2004). Attitudinal scale measures in Euclidean geometry: what do they measure? *South African Journal of Education*, 24(1), 1-4.
- Edelman, L. F. (2016). The impact of family support on young entrepreneurs' start-up activities. *Journal of Business Venturing*, 31(4), 428-448.
- Elias, Z. A. (2004). Keupayaan Usahawan Bumiputera Melaksanakan Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Kes. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 12(1), 61-70.
- Esa, M. A. (2012). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Menerusi Kokurikulum Badminton Dalam Kalangan Pelajar UTHM. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2*.
- Farooq, M. S. (2018). Impact of support from social network on entrepreneurial intention of fresh business graduates. *Education + Training*, 60(4), 335-353.
- Franke, C. L. (2011). Entrepreneurial Intentions of Business Students: A Benchmarking Study. *International Journal Innovation and Technology Management*. 1(3), 269-288.
- Gabriela Boldureanu, A. M.-M.-G. (2020). Entrepreneurship Education through Successful Entrepreneurial Models in Higher Education Institutions. *Sustainability*, 12, 1267.
- Gelaidan, H. M. (2017). Entrepreneurial intentions of business students in Malaysia. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 24(1), 54-67.
- Gelderen, M. B. (2008). Explaining entrepreneurial intentions by means of the theory of planned behavior. *Career Development International*, 13 (6), 538-559.
- Genshu, L. Y. (2021). How University Entrepreneurship Support Affects College Students' Entrepreneurial Intention: An Empirical Analysis from China. *Sustainability*, 13, 3224-3249.
- Harun, N. N. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1), 11-17.
- Hassanain, K. M. (2015). Integrating Zakah, Awqaf and IMF for Poverty Alleviation: Three Models of Islamic Micro Finance. *Jurnal of Economic and Social Thought*, 2(3), 193-211.
- Hisrich, R. &. (2008). *Entrepreneurship*. Singapore: McGraw-Hill.

- Krejcie, R. V. (1970). Determining sample size for research education and psychological measurement. *Education and Psychological Measurement*, 3, 607-610.
- Kusumajonto, D. D. (2021). Do Entrepreneurship Education and Environment Promote Students' Entrepreneurial Intention? The Role of Entrepreneurship Attitude. *Cogent Education*, 8, 1-7.
- Lavelle, B. A. (2019). Entrepreneurship Education's Impact on Entrepreneurial Intention Using The Theory Of Planned Behavior: Evidence From Chinese Vocational College Students. *Entrepreneurship Education and Pedagogy*, 1-22.
- Lee-Ross, D. (2017). An examination of the entrepreneurial intent of MBA students Australia using the entrepreneurial intention questionnaire. *Journal of Management Development* 36(9), 1180-1190.
- Lim, S. L. (2022). Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3).
- Linan, F. & Chen, Y. W. (2009). Entrepreneurship Theory and Practice. 593-617.
- Meyer, N. &. (2018). The importance of entrepreneurship as a contributing factor to economic growth and development: The case of selected European countries. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 10(4), 287-299.
- Mohajan, H. K. (2017). Two criteria for good measurements in research: Validity and reliability. *Economic Series* 17(4), 59-82.
- Mohammad, I. S. (2009). Entrepreneurship intention among Malaysian Undergraduates. *International journal of business and management*. 4(10), 54-60.
- Mohammad, P. G. (2021). Motivasi Murid India terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 203-212.
- Mohd Yusof Husaina, M. S. (2013). Tahap Kemahiran Employability Pelajar Kejuruteraan dari Perspektif Majikan. *Jurnal Teknologi*.
- Muhammad Shoaib Farooq, N. J. (2016). Impact of Entrepreneurial Intentions: A Case of IT Employees in Pakistan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 6(3), 65-77.
- Munoz P, N. W. (2020). Reorienting entrepreneurial support infrastructure to tackle a social crisis: A rapid response. *Journal of Business Venturing Insights*.
- Noorizda Emellia Mohd Aziz, W. N. (2019). Niat Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Wanita di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Journal of Business Innovation*, 4(2), 36- 49.
- Nor Azira, A. S. (2017). Hubungan Antara Penggunaan Ict Dan Prestasi Perniagaan PKS Di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(3), 218-226.
- Norashidah Hashim, N. O. (2009). Konsep Kesyediaan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 187-203.
- Norita Deraman, A. M. (2007). *Keusahawanan*. Shah Alam: Mcgraw Hill Education Malaysia.
- Nur Asmaliza Mohd Noor, N. M. (2020). Students' Performance on Cognitive, Psychomotor and Affective Domain in the Course Outcome for Embedded Course. *Universal Journal of Educational Research*, 8(8), 3469-3474.
- Nurul Yuliandini, G. H. (2019). Pengembangan Soal Tes Berbasis Higher Order Thinking Skill (Hots) Taksonomi Bloom Revisi di Sekolah Dasar. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 6(1), 37-46.



- Olawaiye, O. d. (2013). The Factors Determining the Choice of Career Among Secondary School Students. *The International Journal of Engineering and Sciences (IJES)*. 2(6), 33-44.
- Omar, K. M. (2021). Measuring the Entrepreneurship Characteristics and Its Impact on Entrepreneurial Intentions. *Open Journal of Business and Management*, 9, 672-687.
- Othman, F. C. (2020). ahap Pengetahuan Asas Keusahawanan Terhadap Keinginan Memilih Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(2), 240-254.
- Othman, N. F. (2020). Kemahiran Keusahawanan Dan Kemahiran Kendiri Usahawan Luar Bandar. *Jurnal Dunia Perniagaan* 2(4), 24-35.
- Othman, R. M. (2018). Korelasi Efikasi Kendiri Keusahawanan dan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Pra-universiti. *Akademika* 88(2), 59-70.
- Pimpa, N. (2019). Entrepreneurship Education: The Learning Conundrum in the Transnational Context. *Humanities and Social Science Reviews*, 7(5), 503-509.
- Qadasi, N. A. (2021). Attitude of Youth Towards Self Employment: Evidence from University Students in Yemen. *PLOS One*, 16(9), 1-20.
- Rahim, N. Z. (2017). Impak Kursus Keusahawanan terhadap Kecenderungan Pelajar dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan. *Projek Penyelidikan. UKM, Bangi*.
- Rahman, N. B. (2017). Strategi Pembudayaan Aktiviti Keusahawanan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Melaka. *International Conference on Global Education, VI (Ogos)*, 1224-1235.
- Ravi, N. &. (2016). The relationship between attitude, intention, and entrepreneurship career choice among Malaysian Indian undergraduates. *Akademika*, 86(2), 43-52.
- Renko, M. E. (2015). Understanding and measuring entrepreneurial leadership style. *Journal of Small Business Management*, 53(1), 54-74.
- Sarebah Warman, R. R. (2010). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan*.
- Seman, N. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499-1508.
- Seman, N. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499-1508.
- Seman, N. J. (2020). Kajian Mengenai Niat Keusahawanan Mengikut Teori Tingkah Laku Terancang. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 984-998.
- Shah, I. A. (2020). The Moderating Role of Entrepreneurship Education in Shaping Entrepreneurial Intentions. *Journal of Economic Structures*, 9(1), 1-15.
- Silva, A. (2016). What is leadership? *Journal of Business Studies Quarterly*, 8(1), 15-16.
- Silva, L. D. (2021). Current Trends in Entrepreneurship and Technology Education Considering Sri Lankan and Global Perspectives. *International Research Journal of Modernization in Engineering Technology and Sciences*, 03(02), 401-410.
- SM Kabir, A. H. (2017). Factors Affecting the Intention to Become an entrepreneur: A Study from Bangladeshi Business Graduates' Perspective. *International Journal of Engineering and Information Systems*. 1(6), 10-19.
- Spring, J. (2015). *Economization of Education. Human Capital, Global Corporations, Skills Based Schooling*. Routledge.
- Sun, H. N. (2020). The Systematic Impact of Personal Characteristics on Entrepreneurial Intentions of Engineering Students. *Frontiers in Psychology*, 11, 1-15.
- Tolbert. (1974). *Counseling for Career Development*. Boston: Houghton Mufflin Co.



- Toresingam, T. T. (2019). Pengetahuan dan Kemahiran Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Asas Perniagaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 46-56.
- Uvathi, M. A. (2018). Pembinaan Dan Pengesahan Instrumen Kemahiran Insanniah Bagi Subjek Perakauan di Matrikulasi. Juku: *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 29-39.
- Van Gelderen, M. (2007). *Research Based Yet Action Oriented: Developing Individual Level Enterprising Competencies*. Poland: Internationalizing Entrepreneurship Education and Training, 8 July, 2007.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, I. M. (2016). Meramalkan kecenderungan ahli program tunas niaga menceburi kerjaya keusahawanan. *Journal of Holistics Students Development*.1(1), 12-29.
- Wei, M. F. (2017). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 14(1), 211-265.
- Zainol, F. A. (2018). A linkage between entrepreneurial leadership and SMEs performance: An integrated review. *International Jurnal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 104-118.